

# 'Tun M, Muhyiddin cuba haram UMNO'

Anwar dedah tindakan dua pemimpin ketika tadbir negara

Oleh M Hifzuddin Ikhsan  
hifzuddin@bh.com.my

**Guar Chempedak:** Datuk Seri Anwar Ibrahim mendedahkan Tun Dr Mahathir Mohamad dan Tan Sri Muhyiddin Yassin merancang mengharamkan UMNO ketika mereka bersama Pakatan Harapan (PH) mentadbir negara selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14), lima tahun lalu.

"Saya cerita pengalaman bagaimana Dr Mahathir dan Muhyiddin pakat untuk haramkan UMNO. Saya ke rumah Muhyiddin, memang tegang," kata Perdana Menteri yang ketika itu menerajui PH dan berjaya menumbangkan Barisan Nasional (BN) pada PRU 2018 berkenaan.

Mengakui UMNO juga adalah lawannya ketika itu, Anwar menegaskan, beliau bagaimanapun tidak bersetuju parti tunjang BN itu diharamkan kerajaan kerana sejarahnya yang panjang dalam perjuangan kebangsaan.

"Saya lawan UMNO masa itu, tetapi saya tak setuju haramkan UMNO. UMNO ada sejarah sendiri, sejarah perjuangan kebangsaan, ini parti ibu bapa saya. Saya beza pendapat, tapi haramkan itu bukan penyelesaian. Kita tak boleh padam sejarah, alasan apa nak haramkan?"

"Kalau dalam politik kita lawan, dia (Muhyiddin) kata tak boleh, keputusan sudah dibuat (untuk haramkan UMNO)," katanya yang mendedahkan demikian ketika berucap pada Jelajah MADANI dan Pelancaran Jentera Perpaduan Kedah, di sini malam kelmarin.

Dedah Pengerusi PH dan Presiden PKR itu lagi, beliau kemudian membincangkan perancangan mengharamkan UMNO itu dengan pemimpin parti komponen PH, iaitu Presiden Parti Amanah Negara (AMANAH), Datuk Seri Mohamad Sabu dan Setiausaha Agung DAP ketika itu, Lim Guan Eng.

"Saya bercakap dengan Mat Sabu dan Lim Guan Eng ketika itu, kami tak setuju dan tak bersama (dalam keputusan itu)," katanya.

Ketika PRU14, Dr Mahathir, dan Muhyiddin berganding sebagai pengerusi dan presiden BERSATU yang menjadi komponen PH sebelum parti itu meninggalkan gabungan terbabit pada 24 Februari 2020. Dr Ma-



Anwar bersama Ahmad Zahid menunjukkan akuan sumpah ketika merasmikan jentera pada Majlis Jelajah Perpaduan Madani dan Pelancaran Jentera Perpaduan Kedah di Guar Chempedak. (Foto syaharim Ab'idin/BH)

hathir turut meletak jawatan sebagai Perdana Menteri serta Pengerusi BERSATU.

Kemelut itu menyaksikan pentadbiran PH di Putrajaya tumbang dan Muhyiddin yang membentuk gabungan baharu, Perikatan Nasional (PN) dilantik sebagai Perdana Menteri Kelapan pada 29 Februari 2020.

Ahli Parlimen Pagoh itu yang menjadi Menteri Dalam Negeri dalam Kabinet PH selepas PRU14, turut disokong sekumpulan Ahli Parlimen PKR yang menyertai BERSATU, selain BN, Gabungan Parti Sarawak (GPS) dan beberapa parti lain untuk menggantikan Dr Mahathir.

Anwar berkata, peristiwa lima tahun lalu itu juga menyebabkan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menjadi sasaran serangan lawan kerana mengetahui perancangan pembangkang untuk mengharamkan UMNO sebelum ini.

Katanya, strategi pembangkang ketika ini hanya menyerang Ahmad Zahid tanpa mengusik UMNO kerana mahu mendapatkan undi ahli parti itu dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) di Kedah, Kelantan, Terengganu, Negeri Sembilan, Selangor dan Pulau Pinang pada 12 Ogos nanti.

Menyifatkan ahli UMNO yang mahu memberi undi kepada lawan sebagai mengkhianati amanah, beliau bertanya kepada mereka: "Sanggupkah kamu beri dukungan kepada parti (PN) sebaik dia (Muhyiddin) berkuasa akan mengharamkan parti keramat kamu?"

Perdana Menteri turut mempersoalkan mengapa ada ahli UMNO yang begitu marahkan presiden mereka, sedangkan Ahmad Zahid dilihatnya hanya mengambil pendirian tegas dalam isu dengan BERSATU.

"Adakah kerana dia bersama Kerajaan Perpaduan? Salah dia

apa? Konon kerana dia gadai prinsip kepada DAP?" katanya menegaskan BERSATU sebelum ini mahu bekerjasama dengan UMNO kerana parti Muhyiddin itu lemah, tetapi mahu mengharamkan UMNO ketika ia kuat.

"Andai kata dia kuat, UMNO memang nak diharamkan kerana BERSATU dari awal ditubuhkan untuk menggantikan UMNO," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Perdana Menteri berkata, beliau sudah meneliti fail yang menunjukkan ada bekas menteri UMNO yang meninggalkan parti itu sebelum PRU15 tahun lalu, mempunyai rekod tidak bersih.

Beliau menambah, bekas menteri terbabit dikesan melakukan penyelewengan ketika mentadbir negara, namun kini bersikap seolah-olah bersih dan menonjolkan diri sebagai pejuang Islam serta pejuang Melayu.

"Rekod dan fail saya dah lihat, memang memalukan. Kalau tanya saya, memang elok dia berambus dari UMNO. Rekod begitu rupa, tapi bila masuk PAS, terus pakai serban dan jubah. Kamu dapat habuan, bina kekayaan, pakaian, kenderaan, harta dalam dan luar negara. Di Australia, mereka ada harta besar.

"Lebih baik UMNO dibersihkan daripada penyangkal sebegini. Mereka pura-pura Islam. Hang (kamu) tengok muka di cermin, mantan menteri ada yang pernah (hantar) teks kepada saya, minta usah bercakap soal rasuah dan tata kelola, minta saya bekerja.

"Saya bercakap dengan Elon Musk; hartawan Hong Kong, Richard Lee dan Aramco (Saudi Arabian Oil Company) untuk tingkat pelaburan di Pengerang itu apa? Itu hasil kita bekerja sebagai pasukan bersama menteri, jabatan, duta, semua untuk tingkat ekonomi negara," katanya.